

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	30 JUNE 2016

Diktator Uganda: Tun M enggan tarik balik kenyataan

Sinar Harian - 30/6/2016

SHAH ALAM – Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan beliau tidak akan menarik balik kenyataannya yang mengibaratkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai diktator Uganda, Idi Amin dalam ucapan dalam kempen PRK Parlimen Kuala Kangsar, baru-baru ini.

Mahathir bagaimanapun berkata, beliau tidak mendakwa Najib membunuh orang, sebaliknya hanya mengatakan perdana menteri itu bukan seorang presiden Umno yang baik.

“Saya tidak akan tarik balik. Saya tak kata dia (Najib) bunuh orang, tetapi saya kata dia bukan presiden baik,” katanya kepada pemberita selepas disoal siasat polis di Yayasan Kepimpinan



MAHATHIR

juga memberitahu pemberita bahawa soal siasat semalam berlangsung ringkas, susulan keenggannya menjawab kebanyakan pertanyaan pihak polis.

“Bagi tuduhan khusus ke atas saya, saya akan jawab di mahkamah,” katanya.

Perdana, Putrajaya, semalam.

Peguamnya, Haniff Khatri mengesahkan perkara tersebut dan siasatan itu berhubung kenyataan Mahathir bahawa Najib bagaikan Idi Amin kerana menggunakan harta negara sehingga ditolak oleh rakyat.

Presiden Uganda itu dikenali kerana pencabulan hak asasi manusia, rasuah dan pembunuhan sepanjang pemerintahannya dari 1971 hingga 1979.

Dalam pada itu, Mahathir